SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Semester 2 Kelantan + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Nama Kelas

900/2 **STPM 2023**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENGAJIAN AM
KERTAS 2
(SET 1)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

1 Jam 30 Minit

Arahan kepada calon:

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1	
2	
3	
4	
Bahagian B	
Bahagian C	
Jumlah	

Bahagian A [15 markah]

*Jawab **semua** soalan . Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*


1. Nyatakan **tiga** cabaran wawasan negara ke arah mencapai negara maju. [3]

   a) …….....

   b) …….....

   c) …….....

2. Nyatakan **empat** hasrat yang ingin dicapai dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. [4]



   a) …….....

   b) …….....

   c) …….....

   d) …….....

3. Huraikan **dua** cara anda dapat memanifestasikan prinsip kedua Rukun Negara, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara dalam kehidupan seharian. [4]

   a) ……

……..…….....

   b) ……

……..…….....

4. Nyatakan **empat** prinsip di bawah Dasar Alam Sekitar Negara untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar. [4]

   a) …….....

   b) …….....

   c) …….....

   d) …….....

BAHAGIAN B [*20 markah*]

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan jumlah pendaftaran perkahwinan orang muslim dan orang bukan muslim di negeri-negeri terpilih pada tahun 2020.

Jumlah orang muslim yang berkahwin setiap tahun di seluruh negeri di Malaysia pada tahun 2020 meningkat berbanding tahun 2019 sebanyak 8.92%. Manakala bagi orang bukan muslim pula, jumlah perkahwinan merosot pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Negeri-negeri terpilih yang direkodkan adalah negeri Johor, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, dan Perlis.

Negeri Johor mencatatkan pendaftaran perkahwinan dalam kalangan orang muslim seramai 13751 orang. Manakala perkahwinan orang bukan muslim kurang sebanyak 5833 orang berbanding orang muslim pada tahun 2020. Perkahwinan orang muslim di negeri Kedah melebihi 3000 orang berbanding di negeri Johor pada tahun 2020 dan bagi perkahwinan orang bukan muslim hanya mencatatkan 3465 orang perkahwinan di negeri " Jelapang Padi".

Sebanyak 6927 orang perkahwinan telah didaftarkan di negeri Perak pada tahun 2020 yang membabitkan perkahwinan orang bukan muslim dan jumlah ini lebih rendah sebanyak 2410 orang perkahwinan yang didaftarkan bagi orang muslim. Jumlah perkahwinan orang muslim dengan orang bukan muslim bergantung kepada faktor demografi dan komposisi kaum yang menduduki sesebuah negeri. Di negeri Pulau Pinang, jumlah pendaftaran perkahwinan yang membabitkan orang muslim lebih rendah berbanding orang bukan muslim. Sebanyak 3368 perkahwinan yang didaftarkan oleh orang muslim, manakala perkahwinan orang bukan muslim mencatatkan lebihan sebanyak 2459 orang berbanding orang muslim.

Sebanyak 6655 orang perkahwinan yang telah didaftarkan orang bukan muslim di Perlis, manakala perkahwinan orang muslim mengatasi jumlah perkahwinan orang bukan muslim sebanyak 1064 orang berbanding orang bukan muslim. Penduduk negeri Selangor mempunyai majoriti orang muslim dan jumlah pendaftaran perkahwinan pada tahun 2020 adalah sebanyak 12593 orang daripada 63519 perkahwinan orang muslim yang direkodkan sepanjang tempoh yang dilaporkan. Manakala dalam kalangan orang bukan muslim pula mencatatkan jumlah pendaftaran perkahwinan sebanyak 8880 orang.

Wujud perbezaan antara perkahwinan orang muslim dan orang bukan muslim bergantung kepada beberapa faktor seperti pekerjaan dan usia. Perkahwinan lewat usia akan mengurangkan pendaftaran perkahwinan. Hal ini bertambah sukar apabila rakyat terpaksa menjalani Perintah Kawalan Pergerakan akibat wabak Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020.

Diubahsuai daripada Jabatan Pendaftaran dan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **jumlah pembuangan bayi** di Malaysia mengikut jantina dan lokasi pembuangan bayi terpilih dari tahun 2009 hingga tahun 2011.

Purata kes pembuangan bayi di Malaysia sejak tahun 2000 hingga 2010 adalah sebanyak 87 kes setahun dan seramai 74723 orang yang lahir tanpa perkahwinan yang sah.

Jumlah keseluruhan kes pembuangan bayi lelaki lebih ramai berbanding perempuan pada tahun 2009, iaitu mencatatkan sebanyak 48 kes bagi kes pembuangan bayi lelaki berbanding 31 kes bagi kes pembuangan bayi perempuan. Kes pembuangan bayi lelaki di kawasan perumahan dan premis perniagaan telah mencatatkan sebanyak 26 kes, manakala kes pembuangan bayi perempuan yang dibuang di kawasan yang sama pada tahun tersebut mencatatkan 13 kes. Pada tahun 2010, bayi lelaki yang dibuang di kawasan perumahan dan premis perniagaan telah meningkat sebanyak 15.38% dan 53.85% bagi pembuangan bayi perempuan berbanding tahun sebelumnya.

Selain kawasan perumahan dan premis perniagaan, kes pembuangan bayi kerap dilakukan di tempat pembuangan sampah. Pada tahun 2011, bayi lelaki yang dibuang di tempat ini sebanyak 21 kes, iaitu berkurang sebanyak 13 kes berbanding pembuangan bayi dalam kelompok gender yang sama di kawasan perumahan dan premis perniagaan pada tahun yang sama. Bayi perempuan yang dibuang di kawasan perumahan dan premis perniagaan pada tahun 2011 sebanyak 16 kes, berbanding 11 kes bayi perempuan yang dibuang di tempat pembuangan sampah pada tahun yang sama.

Jumlah bayi lelaki yang dibuang di tempat pembuangan sampah pada tahun 2009 dan 2010 sebanyak 30 kes dan daripada jumlah tersebut, tahun 2010 mencatatkan sebanyak 17 kes dan bakinya adalah pada tahun 2009. Manakala bayi perempuan yang dibuang di tempat yang sama pada tahun 2009 sebanyak 11 kes dan berkurang kepada 10 kes tahun berikutnya.

Pembuangan bayi di lain-lain tempat seperti rumah ibadat, jalan raya dan semak menyumbang sebanyak 9 kes pada tahun 2009 bagi bayi lelaki, manakala bayi perempuan yang dibuang di tempat dan pada tahun yang sama adalah sebanyak 7 kes. Lain-lain tempat menjadi pilihan tempat pembuangan bayi kerana mudah dan terpencil. Pada tahun 2010 bayi lelaki yang dibuang di lain-lain tempat sebanyak 8 kes tetapi bertambah kepada 11 kes pada tahun 2011. Bagi bayi perempuan pula, jumlah kes yang melibatkan pembuangan bayi di kawasan ini pada tahun 2010 sebanyak 6 kes, meningkat sebanyak 66.67% pada tahun 2011.

(Dipetik dan disesuaikan daripada Laporan Jabatan Statistik
dan Jenayah PDRM, 2011)

BAHAGIAN C [*25 markah*]

Pilih **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Kemerosotan disiplin pelajar berpunca daripada pelbagai faktor. Sekiranya masalah ini dibiarkan berterusan akan mendatangkan pelbagai kesan kepada negara. Bincangkan.

8. Cabaran keempat dalam wawasan 2020 ialah mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Usaha mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika akan tercapai jika rakyat mempunyai nilai-nilai agama dan moral yang tinggi. Bincangkan.

Skema ini terdiri daripada 20 halaman bercetak

Bahagian A Soalan

Struktur

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan. Markah bagi setiap soalan antara **3** hingga **4** markah.

Markah penuh: **15 markah**.

Kriteria	Markah	Catatan
Isi betul	1	Soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR)
Isi betul Huraian betul	1 + 1	Soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Nota:

1. Jika calon memberi dua jawapan dalam setiap jawapan (seperti adanya kata hubung 'dan' atau perkataan lain yang membawa erti adanya dua jawapan), maka jawapan calon yang pertama sahaja yang akan diperiksa dan diberi markah jika betul.
2. Jika soalan menentukan bilangan jawapan, tetapi calon menambah bilangan jawapan, maka jawapan yang selebihnya itu tidak akan diperiksa.
3. Terminologi seperti nama organisasi, jika ditulis dalam bentuk singkatan boleh diterima sebagai jawapan. Contoh, ASEAN, APEC dan sebagainya.
4. Terminologi yang telah diterima pakai umum seperti k-ekonomi atau e-dagang, tidak perlu diberikan maksudnya dalam jawapan calon.

Bahagian B

Alih Bentuk komunikasi (Bentuk Linear kepada Bentuk Bukan Linear)
Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Calon dikehendaki menjawab **satu** soalan sahaja.
Markah bagi satu soalan ialah **20 markah**.
Markah penuh: **20 markah**.

A. Tujuan ujian

Untuk menguji kebolehan calon mengalih bentuk komunikasi daripada bentuk linear kepada bentuk bukan linear.
Kemahiran terlibat – kefahaman
– penggunaan
– analisis
– sintesis

B. Ciri jawapan

1. Pengkelasan angkubah/pembolehubah (PA)
2. Kesesuaian teknik (KT)
3. Ketepatan isi (KI)
4. Kekemasan (KM)

C. Pemarkahan

1. Perincian markah adalah seperti yang berikut:

Pengkelasan angkubah	:	6
Kesesuaian Teknik	:	6
Ketepatan isi	:	6
Kekemasan	:	2
		20

Cara pemberian markah


Bil	*Ciri jawapan*	*Kriteria*	*Taraf*	*Markah*
1	**Pengkelasan Pemboleh ubah [6 markah] (PA)** (a) Paksi	Lengkap	Baik	5–6
		Kurang lengkap	Sederhana	3-4

CADANGAN JAWAPAN

MALAYSIA : JUMLAH PENDAFTARAN PERKAHWINAN ORANG MUSLIM DAN ORANG BUKAN MUSLIM DI NEGERI-NEGERI TERPILIH PADA TAHUN 2020.

Kumpulan / Negeri	Orang muslim (orang)			Orang bukan muslim (orang)		
	Jumlah	Peratus (%)	Sudut (◦)	Jumlah	Peratus (%)	Sudut (◦)
Johor	13751	21.65	77.94	7918	19.96	71.85
Kedah	16751	26.37	94.94	3465	8.73	31.38
Perak	9337	14.70	52.92	6927	17.46	62.86
Pulau Pinang	3368	5.30	19.08	5827	14.69	52.88
Perlis	7719	12.15	43.75	6655	16.78	60.40
Selangor	12593	19.83	71.37	8880	22.38	80.58
JUMLAH	63519	100.00	360.00	39672	100.00	360.00

(Diubahsuai daripada Jabatan Pendaftaran dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021)



Nisbah jejari = 1: 0.79

Petunjuk :
- Johor
- Kedah
- Perak
- Pulau Pinang
- Perlis
- Selangor

(Diubahsuai daripada Jabatan Pendaftaran dan

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar